

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 10/04/2020  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 28  
Tajuk : Pinjaman khas lebih RM100 juta

# Pinjaman khas lebih RM100 juta

CBP perkenal Program  
CB-Prihatin bantu  
koperasi, PKS terjejas

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

**C**o-opbank Pertama (CBP) memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta bagi Program CB-Prihatin untuk membantu pihak berkepentingan CBP yang terjejas akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Mohd Nor Abd Razak berkata, berkata menerusi Program CB-Prihatin, sebanyak tiga pakej ditawarkan iaitu Pakej Pembiayaan CB-Prihatin PKS & Koperasi; Pakej CB-Prihatin (COVID-19) dan Pakej Majikan CB-Prihatin.

Katanya, Pakej Pembiayaan



Mohd Nor (Idri) dan Kamari Zaman pada sidang media pengumuman Pakej CB-Prihatin PKS di Kuala Lumpur.

CB-Prihatin PKS & Koperasi melibatkan dana RM100 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan CBP tempoh bertenang (grace period), tangguhan bayaran prinsipal selama sembilan bulan.

“Hanya bayaran keuntungan pembiayaan diambil kira selain menawarkan keuntungan yang rendah dengan yuran sebanyak guaman 50 peratus ditanggung oleh CBP,” katanya pada sidang media pengumuman Pakej

Pembiayaan Khas bagi sektor PKS (CB-Prihatin PKS), di Kuala Lumpur kelmarin.

Hadir sama Pengerusi CBP, Kamari Zaman Juhari.

Mohd Nor berkata, CBP juga akan memberi moratorium kepada semua pelanggan korporat PKS dan koperasi yang layak bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

“Bagi pelanggan baharu pembiayaan peribadi iaitu pembiayaan yang telah dikeluarkan selepas 1 April 2020, mereka boleh memohon untuk penangguhan bayaran ansuran selama 3 bulan dan tertakluk kepada kelulusan CBP.

“Pakej ini terbuka sehingga 30 September 2020 dengan kadar keuntungan serendah 3.4 peratus setahun,” katanya.

Melalui Pakej CB-Prihatin (Covid-19), beliau berkata, CBP memperuntukkan dana sebanyak RM500,000 dengan menyasarkan bantuan kewangan

dan keperluan peralatan perlindungan peribadi (PPE) kepada petugas barisan hadapan negara serta mangsa Covid-19.

Menurutnya, sebanyak RM400 akan diberikan kepada kakitangan CBP yang layak secara bulanan bagi meringankan beban kewangan keluarga bermula April sehingga September 2020 melalui pakej Majikan CB-Prihatin.

“Sehubungan dengan ini, saya menjemput mana-mana koperasi atau PKS yang terjejas untuk mendapatkan pembiayaan melalui program CB-Prihatin PKS + Koperasi CBP,” katanya.

Mohd Nor berkata, mesyuarat Anggota Lembaga juga telah meluluskan pembayaran interim bagi dividen 2019 sebanyak 3 peratus, manakala baki dividen akan dibayar selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) CBP yang akan diadakan pada bulan September tahun ini.